

11 DEC 1997

Annan

SETIAUSAHA AGUNG PBB LAWAT MALAYSIA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 11 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Asean yang lain apabila beliau melawat Kuala Lumpur dari 14 hingga 17 Dis.

Jurucakap PBB, Juan Carlos Brandt berkata dalam wawancara dengan BERNAMA melalui telefon dari ibu pejabat badan dunia itu di New York bahawa lawatan Annan ke Kuala Lumpur adalah penting kerana ia mencerminkan sumbangan penting Malaysia kepada PBB.

"Sumbangan Malaysia kepada PBB cukup penting dan perkara utama yang terlintas dalam fikiran saya ialah kelancaran sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB di bawah Tan Sri Razali Ismail, yang merupakan pemimpin yang sungguh cekap mengendalikan urusan Perhimpunan Agung," kata Brandt.

"Semua bersetuju tentang betapa Malaysia telah memberi sumbangan penting kepada masyarakat antarabangsa melalui kepimpinannya sebagai Presiden Perhimpunan Agung," kata beliau.

Malaysia juga menyertai misi pengaman di Bosnia-Herzegovina, dan Somalia, di bawah panji-panji PBB serta memainkan peranan aktif dalam program sosial dan ekonomi berkaitan PBB, kata beliau.

Rundingan Annan dengan Dr Mahathir mencakupi pelbagai isu antarabangsa termasuk usaha melaksanakan pembaharuan dalam badan dunia itu, Majlis Keselamatan, Iraq, Bosnia, Afghanistan, dan Angola.

Kedua-dua mereka juga dijangka membincangkan isu-isu berkaitan pengedaran dadah, alam sekitar serta ancaman periuk api, kata Brandt.

Ketika ditanya sama ada Annan bersedia membincangkan gesaan Malaysia supaya dikaji semula piagam hak asasi manusia Bangsa-bangsa Bersatu, Brandt berkata piagam itu tidak perlu dikaji semula kerana selagi ia difahami oleh semua anggota, piagam itu mengandungi elemen-elemen sejagat yang diterima oleh semua.

Brandt berkata ketika PBB menyambut ulang tahun ke-50 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat pada Rabu, Annan yang berada di Tehran, akan menekankan dalam ucapannya bahawa tiada model tunggal bagi demokrasi, hak asasi manusia atau pencurahan budaya di dunia tetapi yang harus ada ialah peluasan demokrasi, hak asasi manusia dan budaya secara bebas di dunia.

Lawatan Annan serentak dengan Sidang Kemuncak Tidak Formal Asean dari 14 hingga 16 Dis di Kuala Lumpur yang meliputi mesyuarat antara para pemimpin Asean dan pemimpin dari China, Jepun dan Korea Selatan.

Isu lain yang akan dibincangkan dengan para pemimpin Asean termasuk sumbangan yang belum dijelaskan oleh negara anggota PBB, kata Brandt.

Amerika Syarikat belum menjelaskan sejumlah kira-kira AS\$1.5 bilion kepada PBB tetapi telah membuat pembayaran yang cukup untuk mengelaknya daripada hilang hak mengundi di perhimpunan agung.

Duta Amerika ke PBB, Bill Richardson berkata di sini bahawa Washington ialah negara yang mempunyai hutang terbesar di PBB kerana kegagalannya menjelaskan sumbangan kepada badan dunia itu.

"Kini sukar bagi Amerika untuk dipercayai oleh PBB. Amerika sekarang menghadapi masalah untuk meyakinkan PBB untuk mengurangkan belanjawan badan dunia itu daripada 25 peratus kepada 20 peratus," kata beliau di Kelab Media Kebangsaan di sini.

"Kami berhutang lebih \$1 bilion ...saya berterus-terang dengan anda," kata Richardson

Semasa di Kuala Lumpur, Annan akan menghadap Yang di-Pertuan Agong

Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Beliau juga akan mengunjungi Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Aturcara lawatannya termasuk menghadiri majlis jamuan dengan pemimpin Asean dan mendengar taklimat oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta Multimedia Development Corporation (MDC) mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC ialah zon seluas 750 km persegi ke selatan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia. -- BERNAMA  
SAL FAZ